

Headline	<b>JPH kini Jabatan Perkhidmatan Veterinar</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>24. May 2008</b>	Page No	<b>15</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>316 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>238082</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>833287</b>		



# JPH kini Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR



SOSEJ dan telur pindang dihasilkan daripada industri ternakan ayam.

SEJAK 120 tahun lalu nama Jabatan Perkhidmatan Haiwan atau Jabatan Haiwan telah digunakan dari saat awal penubuhannya.

Nama jabatan tersebut akan ditukarkan menjadi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia kerana dianggap lebih sesuai dan membawa maksud yang lebih jelas kepada tanggungjawab yang dipikul.

Langkah ini juga bertujuan memberi suntikan dan penjenamaan baru kerana dianggap lebih sesuai dan selari dengan semangat Pertanian Baru.

Berpandukan takrif Kamus Dewan, veterinar membawa maksud sebagai rawatan penyakit atau kecederaan pada haiwan, manakala perkataan haiwan memberi maksud bernyawa (manusia dan binatang) dan didapati kurang sesuai untuk digunakan.

Justeru, perkataan veterinar dianggap lebih sesuai untuk mencerminkan rawatan, perubatan, pembedahan dan kebaikan kepada haiwan terutamanya ternakan.

Dalam pada itu, perkataan veterinar telah digunakan secara rasmi pada tahun 1971 semasa penubuhan Universiti Pertanian Malaysia melalui Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Perniagaan.

Sementara itu, pada 1 April 1984, jawatan Pegawai Haiwan telah diselaraskan penukarannya menjadi Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Haiwan menjadi Penolong Pegawai Veterinar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Selain itu, perkataan veterinar ini juga telah diterima penggunaannya secara meluas di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Banyak negara telah menggunakan perkataan veterinar bagi agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri ternakan, perkhidmatan veterinar, sains penternakan dan banyak lagi.

Kabinet telah mempersetujui pertukaran nama Jabatan Perkhidmatan Haiwan menjadi Jabatan Perkhidmatan Veterinar berkuatkuasa pada 2 April 2008.



BAJU kulit antara produk hasil industri asas tani berdasarkan ternakan.